

SALUTASI

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT YAYASAN CANSELOR KEPADА PELAJAR UTeM 6 JULAI 2023

- 1. YANG BERBAHAGIA DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UTeM**

- 2. YANG BERBAHAGIA DATUK SERI JAMIL BIN SALLEH
PENGERUSI PEMEGANG AMANAH YAYASAN CANSELOR UTeM**

- 3. YANG BERUSAHA PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI
KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

- 4. YANG BERUSAHA TUAN HAJI SHAHIDAN BIN TAIB
PENGARAH LEMBAGA TABUNG HAJI NEGERI MELAKA**

- 5. AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UTeM**
- 6. PENGURUSAN TERTINGGI UTeM**
- 7. PEGAWAI-PEGAWAI YAYASAN CANSELOR UTeM**
- 8. PEGAWAI-PEGAWAI UTeM**
- 9. SERTA PENERIMA SUMBANGAN ZAKAT YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN**

TEKS UCAPAN

NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MAJLIS SUMBANGAN ZAKAT YAYASAN
CANSELOR UTEM KEPADA PELAJAR
6 JULAI 2023 (KHAMIS)**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melaka Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia

Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

Alhamdulillah, rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bertemu pade petang ini di **Majlis Sumbangan Zakat Yayasan Canselor UTeM kepada pelajar.**

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Menjangkau usia 23 tahun penubuhan, UTeM terus komited dalam merealisasikan agenda kebajikan pelajar sebagai suatu keutamaan yang harus diberikan perhatian khusus. Pelbagai usaha dan inisiatif murni terus dirancang dan dilaksanakan secara sendiri oleh UTeM mahupun menerusi kaedah kolaborasi dengan pelbagai pihak dan agensi yang berkepentingan bagi memastikan aspek kebajikan pelajar UTeM dapat dipenuhi.

Selain menerima bantuan daripada pelbagai pihak, UTeM juga tidak alpa dalam menghulurkan bantuan kepada lapisan masyarakat luar yang memerlukan.

Semangat keprihatinan dan tanggungjawab yang dizahirkan oleh UTeM adalah sejajar dengan komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi

(KPT). Antusiasme ini amat signifikan dengan Prinsip Malaysia Madani, khususnya responsif terhadap keperluan semasa, bertanggungjawab dan amanah dalam memenuhi keperluan kebajikan terutamanya di kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Sumbangan zakat ini amat signifikan dengan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Pejabat TNC HEPA dalam menterjemahkan hasrat menjadikan tahun 2023 sebagai tahun kebajikan pelajar. Untuk makluman semua, sejumlah 64% daripada populasi pelajar UTeM terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Daripada jumlah ini pula sejumlah 22% pelajar tergolong dalam kategori asnaf dengan pendapatan seisi keluarga di bawah RM1500.00 sebulan.

Melihat kepada situasi ini, maka adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kita bersama untuk bersama-sama membantu para pelajar ini bagi mengurangkan bebanan hidup mereka supaya mereka dapat meneruskan pengajian di Universiti ini tanpa rasa serba kekurangan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada penyumbang zakat iaitu Lembaga Tabung Haji yang telah menyumbang sebanyak RM 600,000.00 kepada pelajar UTeM.

Selain daripada sumbangan dalam bentuk monetari, difahamkan pelbagai inisiatif berterusan telah dilaksanakan oleh Pejabat HEPA dalam menyantuni kebajikan pelajar ini antaranya adalah sumbangan Food Bank, pengenalan inisiatif menu Rahmah Siswa, TUAH Care Food@Campus serta menjayakan sumbangan peranti siswa keluarga Malaysia, pinjaman jangka pendek dan pelbagai inisiatif lain.

Diharapkan usaha murni berterusan tanpa berpenghujung ini, sekali gus merealisasikan aspirasi HEPA dalam meningkatkan keupayaan dan kesejahteraan siswa TUAH UTeM

Hadirin sekalian,

Kepada para pelajar yang menerima sumbangan ini, gunalah sebaik mungkin sumbangan yang diterima. Jadikanlah ia sebagai pemangkin pembakar semangat untuk anda semua meneruskan pengajian dengan lebih baik.

Akhir kata, semoga sumbangan ini memberi seribu makna buat para pelajar semua selain dapat membantu sedikit sebanyak keperluan pengajian para pelajar. Tahniah dan syabas kepada pihak Yayaan Canselor UTeM dan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA).

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.